



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2019

PUTRAJAYA 29 April 2019 - YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mempengerusikan mesyuarat Majlis Sosial Negara yang pertama diadakan pada tahun 2019. Majlis Sosial Negara (MSN) ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara.

Turut dibangkitkan adalah keperluan penglibatan semua Kementerian dalam memenuhi perjanjian kerajaan di peringkat antarabangsa. *The Convention on the Rights of the Child (CRC)*, *the Convention on the Rights of People with Disabilities (CRPD)* and *the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* merupakan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan memerlukan koordinasi pelaksanaan dasar secara holistik.

Majlis pada hari ini telah bersetuju dengan 4 kertas pertimbangan:

- (i) Isu Keciciran Kanak-kanak Daripada Akses Pendidikan bagi membendung kesan negatif kepada ekonomi dan sosial negara;
- (ii) Isu Kehamilan dan Kesihatan Reproduktif Remaja: Pendekatan Holistik untuk bekerjasama menangani faktor sosial yang menjurus kepada isu kehamilan dan kematian remaja hamil secara holistik, berkesan dan bersepadu;
- (iii) Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya (OKU) untuk disyorkan sebagai panduan dan rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menyediakan Pelan Tindakan Aksesibiliti kemudahan dalam dan luar bangunan serta ruang awam mesra Orang Kurang Upaya (OKU); dan
- (iv) Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) untuk memberikan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang memerlukan.

Mesyuarat turut membincangkan kertas-kertas makluman antaranya:

- i. Dasar Komuniti Negara (DKN) untuk memberdaya komuniti setempat supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama serta membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan;
- ii. Pelaksanaan Program Ameniti Sosial (PAMS) supaya projek-projek kemudahan awam dapat dibuat secara lebih terancang dan bersepadu dengan pembangunan infrastruktur serta pembangunan manusia bagi mencapai impak dan keberkesanan yang lebih baik; dan
- iii. Pelaksanaan Program-program Kepada Remaja Menggunakan Peruntukan Zakat bagi menangani isu sosial dalam kalangan remaja.

Turut dibincangkan pada Mesyuarat MSN kali ini adalah penyelarasan projek rintis Dasar Komuniti Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan projek “Balai Sepakat” yang telah diusahakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang saling melengkapi (complement) di antara agensi kerajaan bagi memperkasa komuniti, terutamanya di kawasan pinggir bandar.

Majlis Sosial Negara ini adalah satu platform yang aktif untuk agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) membentangkan cadangan-cadangan yang bernas bagi mengenal pasti isu dan masalah sosial serta mengenalpasti mekanisme penyelesaiannya demi pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera.

###

Disediakan oleh:

Urus Setia Majlis Sosial Negara
Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
29 April 2019